

Pemandu rangka modul tangani masalah penagihan dadah

KUALA TERENGGANU

- Jawatankuasa Pemandu Membanteras Dadah (Pemandu) Negeri Terengganu kini giat merangka modul yang dijangka dipraktikkan awal tahun hadapan, sebagai usaha menangani masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja di negeri ini.

Pengerusinya yang juga exco kerajaan negeri, A Latiff Awang berkata, fokus pelaksanaan modul adalah berdasarkan kepada tiga kategori belia yang telah dikenal pasti.

Menurutnya, berdasarkan data diperoleh daripada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu, lebih kurang 155 pelajar di negeri ini didapati positif dadah menerusi ujian air kencing, justeru sasaran utama adalah pelajar yang telah terlibat dengan penagihan dadah.

"Kita juga fokus kepada pelajar berisiko tinggi yang berpotensi untuk terlibat dengan gejala dadah iaitu pelajar bermasalah dari segi disiplin dan bergaul dengan pelajar terjebak dengan gejala tidak sihat ini.

"Seterusnya remaja yang mempunyai latar belakang atau sejarah hidup keluarga yang pernah terlibat dengan dadah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Bengkel Jawatankuasa Pemandu:



A LATIFF

Modul Pencegahan Dadah Bagi Sekolah-sekolah di Negeri Terengganu, di Hotel Primula, semalam.

A Latiff berkata, pada bengkel berkenaan, Jawatankuasa Pemandu yang dianggotai 21 panel berkumpul bagi memberi pandangan, input dan cadangan yang boleh membantu Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) khususnya, Jabatan Pelajaran

Negeri Terengganu dan kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah sosial berkaitan penyalahgunaan dadah.

Menurutnya, antara panel terlibat dalam penyediaan modul itu termasuk dari Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Sultan Zainal Abidin, Jabatan Kesihatan, PDRM, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam) serta Pusat Transformasi Rakyat Terengganu (Putra) dari Pejabat Menteri Besar.

Katanya, mekanisme modul itu nanti akan memberi penekanan dalam aspek insaniah, agama dan kerohanian kepada remaja berusia di bawah 18 tahun.

"Kaedah pelaksanaannya pula akan dijalankan di kem yang akan ditentukan kemudian melibatkan aktiviti seperti ceramah dan riadah," katanya.